

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 18 JULAI 2018 (RABU)

SOALAN : 42

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan yang sedang diambil untuk menandingi gejala rasuah yang berlaku di PUSPAKOM dan adakah Kementerian bercadang mengambil alih tugas ujian kenderaan daripada PUSPAKOM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

PUSPAKOM merupakan syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan di bawah Seksyen 126 Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu Kuasa Menteri untuk memberi kuasa atau memberikan lesen untuk menjalankan aktiviti pemeriksaan kenderaan melalui Perjanjian Konsesi di antara Kerajaan dan PUSPAKOM.

PUSPAKOM sering dikaitkan dengan isu integriti tanpa fakta dan bukti. Ini mengakibatkan persepsi negatif orang ramai terhadap PUSPAKOM. Persepsi ini diburukkan lagi apabila terdapatnya orang tengah atau 'runner' atau pihak-pihak lain yang tidak bertanggungjawab dan tidak beretika memanipulasi keadaan dengan contohnya menukarkan komponen kenderaan sementara seperti tayar, dan bahagian-bahagian lain kenderaan hanya untuk lulus proses pemeriksaan di PUSPAKOM.

Terdapat juga, pelanggan terpedaya dengan tipu helah khidmat orang tengah atau 'runner' dengan bayaran tinggi supaya kenderaan mereka mudah dan cepat lulus sedangkan proses pemeriksaan PUSPAKOM menggunakan sistem pemeriksaan secara berkomputer, automasi dan melalui sistem kawal berintegrasi tanpa boleh dimanipulasikan. Malahan, fi pemeriksaan di PUSPAKOM hanyalah di antara RM20 hingga RM90 mengikut jenis pemeriksaan dan kenderaan seperti ditetapkan oleh Kerajaan dibandingkan caj yang dikenakan oleh orang tengah yang terlalu tinggi.

PUSPAKOM mengamalkan 'toleransi sifar' terhadap segala bentuk aktiviti rasuah. Berikut adalah tindakan yang dilakukan:-

- i. Terdapat 7 agensi berbeza memantau dan mengaudit aktiviti pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM termasuk daripada Kementerian ini, JPJ, MIROS serta agensi-agensi lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK), Jabatan Standard Malaysia, SIRIM dan Jabatan Alam Sekitar.
- ii. Aktiviti pemantauan dan pengauditan dalaman yang kerap dan berterusan oleh pihak PUSPAKOM untuk mengukuhkan pematuhan terhadap prosedur-prosedur yang ditetapkan.
- iii. PUSPAKOM juga telah bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam mewujudkan persekitaran bebas rasuah dan memperkukuhkan integriti. Perjanjian kerjasama dengan SPRM telah dimeterai serta Ikrar Integriti Korporat dijalankan dalam menjamin pelaksanaan tadbir urus baik di PUSPAKOM serta langkah-langkah yang berkesan bagi memastikan ruang dan peluang rasuah dibanteras.
- iv. Dasar pemberi maklumat ('whistle blower') juga diperkenalkan di PUSPAKOM bagi penyaluran maklumat yang berkaitan dengan isu integriti dimana siasatan yang menyeluruh akan dijalankan.

- v. Operasi PUSPAKOM adalah diiktiraf dengan pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015, Sistem Pengurusan Keselamatan Pengangkutan Jalanraya MS ISO 39001:2013, Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat MS ISO 27001:2013 dan ke arah Sistem Pengurusan Anti-Rasuah MS ISO 37001:2016. PUSPAKOM juga telah mendapat akreditasi sebagai Badan Pemeriksa Malaysia melalui MS ISO 17020:1998 serta menjadi ahli 'International Motor Vehicle Inspection Committee (CITA) iaitu badan pemeriksaan antarabangsa yang menentukan piawaian pemeriksaan kenderaan. Prosidur pemeriksaan di PUSPAKOM berdasarkan Akta Pengangkutan Jalan dan akta-akta yang berkaitan.
- vi. Pemeriksa Kenderaan PUSPAKOM adalah kompeten untuk menjalankan pemeriksaan kenderaan dan berkelulusan Diploma berkaitan serta pelantikan yang dibuat mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987. Pembangunan modal insan yang berterusan dijalankan bagi mengekalkan tahap kompetensi, pematuhan dan integriti yang tinggi dalam penyampaian perkhidmatan.
- vii. Pemeriksaan kenderaan PUSPAKOM dijalankan secara berkomputer, automasi dan melalui sistem kawalan berintegrasi. Ini secara langsung meningkatkan prestasi disamping mengelakkan manipulasi. Peralatan dan teknologi pemeriksaan di PUSPAKOM adalah sama sepertimana digunakan oleh badan pemeriksa kenderaan di negara-negara lain. Peralatan tersebut juga ditentukan oleh pihak berkompeten yang dilantik

oleh pihak Kerajaan.

Berhubung pengambilalihan tugas pemeriksaan kenderaan daripada PUSPAKOM, pihak Kementerian sedang mengkaji terma-terma dan implikasi di dalam kontrak perjanjian konsesi dan kesediaan Kerajaan untuk mengambilalih tugas pemeriksaan kenderaan daripada pihak PUSPAKOM.